

# Kegagalan pertama kunci kejayaan

KOSMO 12/9/06 (MS12)

SHAH ALAM - Pengalaman mendapat keputusan peperiksaan yang mengecewakan ketika pengajian semester pertama telah memberi keazaman baru buat Norhaifa Ganti, 21, untuk berjaya.

Graduan Diploma Sains Universiti Teknologi Mara (UiTM) itu meraih Anugerah Naib Canselor dalam Istiadat Konvokesyen UiTM Ke-64 semalam.

Menurut Norhaifa, keputusan peperiksaan semester pertama mengecewakan kerana beliau gagal memahami kandungan subjek biologi dengan baik.

"Saya tak pernah belajar biologi di sekolah menengah dan semasa semester pertama saya tertekan untuk turuskan pengajian.

"Saya diejek oleh rakan kerana keputusan teruk, tapi saya tak mengalah, terima cabaran penuh semangat," katanya yang menamatkan pengajian dengan Purata Nilai Gred Keseluruhan (CGPA) 3.76.

Selain itu, graduan Diploma Pengajian Sukan dan Rekreasi, Izhar Rezza, 21, juga pernah mendapat keputusan



IZHAR (kiri sekali) dan Norhaifa (duduk depan dua dari kiri) bersama-sama rakan-rakan selepas menerima diploma pada istiadat Konvokesyen UiTM Ke-64 di Shah Alam semalam.

yang mengecewakan.

"Semasa semester kedua, saya gagal dapat CGPA yang memuaskan kerana tidak pandai mengatur jam kredit semester, selepas kegagalan itu saya mula belajar untuk

tidak ulang kesilapan tersebut," katanya.

Istiadat Konvokesyen UiTM Ke-64 semalam diisytiharkan oleh Pro Canselornya, Tan Sri Dr. Sulaiman Daud di Dewan Sri Budiman

dan berakhir pada 16 September nanti.

Majlis penganugerahan diploma kepada 8,906 graduan itu menyaksikan 172 graduan menerima Anugerah Naib Canselor.